



SIARAN AKHBAR

VIDEO MENGENAI MATA WANG PALSU BND100

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) mendapati bahawa ada video berhubung dengan mata wang palsu BND100 yang disebarkan melalui media sosial dan pesanan ringkas.
2. AMBD, setelah membuat siasatan, mendapati bahawa mata wang tersebut adalah mata wang kertas dan tidak mempunyai ciri-ciri mata wang polimer, khususnya mata wang polimer BND100. AMBD ingin mengongsikan bahawa mata wang-mata wang polimer mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tersendiri. Butiran mengenai ciri-ciri keselamatan ini boleh didapati di laman sesawang AMBD.
3. AMBD ingin mengingatkan orang ramai bahawa menurut seksyen 13 daripada Perintah Matawang 2004 (*Currency Order 2004*), mana-mana orang yang mengeluarkan matawang dan duit syiling, atau apa-apa dokumen atau tanda, yang serupa atau mungkin dianggap sah diperlakukan, jika sabit kesalahan akan didenda, dipenjarakan tidak melebihi 15 tahun, atau kedua-dua sekali.
4. Memiliki wang palsu adalah juga satu kesalahan di bawah Kanun Hukuman Jenayah (Bab 22), dan jika sabit kesalahan akan didenda dan penjara tidak melebihi 10 tahun.
5. AMBD juga ingin mengingatkan orang ramai untuk sentiasa berhati-hati dan untuk melaporkan mana-mana mata wang yang diragui kepada pihak Polis Diraja Brunei atau AMBD.
6. Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi AMBD melalui talian 2388388; emel info@ambd.gov.bn; AMBD App, yang boleh dimuat turun melalui 'App Store' dan 'Google Playstore'; melayari laman sesawang AMBD di <http://www.ambd.gov.bn>; atau dengan mengikuti AMBD di Instagram, melalui @autoriti_monetari.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 26 Rabiulakhir 1439H / 13 Januari 2018M

Rujukan: AMBD/COMMS/3